

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 5 (41)

2 Julai 2018
18 Syawal 1439

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 36/2018

PELAKSANAAN KURSUS *BASELINE COMPETENCIES FOR DIFFERENTIATED CAREER PATHWAY* (BC4DCP) BAGI MENGGANTIKAN KURSUS SIJIL PENGAJARAN PENGAJIAN TINGGI (SPPT) SEBAGAI SALAH SATU SYARAT PENGESAHAN JAWATAN STAF AKADEMIK

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 13/2018 bertarikh 11 Jun 2018 telah meluluskan semua staf akademik baharu dikehendaki menghadiri Kursus *Baseline Competencies for Differentiated Career Pathway* (BC4DCP) bagi menggantikan Kursus Sijil Pengajaran Pengajian Tinggi (SPPT) sebagai salah satu syarat pengesahan jawatan.

2. Perkara ini adalah selaras dengan faktor perkembangan semasa terutamanya dalam menyediakan dan memenuhi tuntutan pelaksanaan Laluan Kerjaya Pelbagai Trek/*Differentiated Career Pathway* (DCP) staf akademik serta mendokong hasrat Universiti untuk terus kekal sebagai sebuah Universiti Penyelidikan, kursus-kursus yang disyaratkan terutama dalam modul Kursus SPPT perlu disemak dan dikaji semula supaya ia seiring dengan tuntutan keperluan laluan kerjaya mengikut trek serta memberi pengetahuan asas yang menyeluruh kepada semua staf akademik.


3. Pegawai baharu yang disyaratkan mengikut Kursus BC4DCP adalah **Pegawai Lantikan Pertama** yang dilantik pada atau selepas **1 Julai 2018** yang berkhidmat secara tetap dalam perkhidmatan di UTM. Staf akademik yang telah dilantik tetap dan belum disahkan jawatan perlu mengikut Kursus SPPT sedia ada.

4. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Pentadbiran ini, Pekeliling Pentadbiran Bil. 43/2009 – Pelaksanaan Kursus Sijil Pengajaran Pengajian Tinggi (SPPT) adalah dibatalkan setelah semua staf lantikan tetap sebelum 1 Julai 2018 telah memenuhi syarat tersebut. Sehubungan dengan itu, semua staf akademik dan pihak Pengurusan Sumber Manusia di fakulti/Pusat Tanggungjawab adalah dimohon mengambil maklum dan tindakan selanjutnya.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Yang benar,



(DATO' WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN)

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan - Kampus Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/ Dekan/Pengarah